

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(75)

Tarikh : 19 Januari 2022

**KENYATAAN MEDIA OLEH YB YEOH SOON HIN,  
AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG,  
PENGURUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN DAN EKONOMI  
KREATIF (PETACE)**

**TIKET *FASTLANE* EDISI KHAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG  
TAHUN KE-100 FUNIKULAR BUKIT BENDERA**

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah mengeluarkan Tiket *Fastlane* Edisi Khas sempena sambutan ulang tahun ke-100 pada 1 Januari 2023 bagi memperingati sambutan tersebut. Ia dilancarkan hari ini oleh YB Yeoh Soon Hin, EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Negeri Pulau Pinang untuk memeriahkan suasana sambutan sambil menambah minat dalam sejarah funikular Bukit Bendera.

Funikular Bukit Bendera bukan sahaja merupakan warisan ikonik Pulau Pinang tetapi ia juga warisan negara yang perlu dipelihara. Funikular berusia 100 tahun itu telah menyediakan perkhidmatan kepada penduduk, pekerja dan pengunjung Bukit Bendera sejak dibuka pada 21 Oktober 1923. Sambutan ke-100 itu bukan sahaja tertumpu kepada sejarah funikular tetapi juga transformasi Bukit Bendera sepanjang abad yang lalu agar lebih ramai orang akan menghargai sejarah, alam semula jadi dan warisan budayanya.

Sambutan ini akan menjadi acara sepanjang tahun dengan pelbagai aktiviti akan diadakan untuk meraikan peristiwa ini seperti pameran mengenai sejarah dan kepentingan funikular serta penerbitan buku mengenai perkembangan perkhidmatan funikular sepanjang 100 tahun yang lalu.

PBBPP juga akan mengeluarkan pelbagai barangan jualan serta acara menarik, aktiviti, video dokumentari, peraduan di media sosial dan promosi-promosi istimewa yang akan ditawarkan oleh penyewa kedai di Bukit Bendera.

Tiket funikular edisi khas yang dijual sejak 1 Januari 2023 adalah tiket yang boleh disimpan sebagai kenangan dan peringatan kepada sambutan ulang tahun ke-100.

“Sepanjang abad ini, perkhidmatan funikular Bukit Bendera telah memberikan perkhidmatan kepada lebih 47 juta pengunjung sejak dibuka pada 1923. Ia merupakan tarikan ikonik dan popular yang memainkan peranan penting dalam landskap pelancongan Pulau Pinang. Ia juga sering dikunjungi oleh orang kenamaan sepanjang tahun dan menjadi pemangkin kepada aktiviti ekonomi masyarakat setempat di atas bukit dan kawasan sekitarnya. Bukit Bendera juga sentiasa ditayangkan dalam pelbagai episod siri televisyen dan filem di platform tempatan dan antarabangsa seterusnya mempromosikan Bukit Bendera sebagai salah satu tempat yang wajib dikunjungi apabila berada di Pulau Pinang.” kata Yeoh.

“Kami berharap pengunjung dapat menantikan pelbagai aktiviti menyeronokkan dan menarik yang bertemakan sambutan ini bagi mencipta kenangan berpanjangan kepada pelancong dan penduduk tempatan. Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PETACE juga mengambil inisiatif untuk memacu pertumbuhan sektor pelancongan negeri untuk lapan tahun akan datang melalui pelancongan yang mampan, kepelbagaian dan pintar. Langkah strategik itu adalah untuk menguruskan cabaran pelancongan masa depan dan meningkatkan pengalaman pelancong apabila melawat ke negeri ini,” tambah Yeoh.

Pulau Pinang semakin pulih daripada pandemik COVID-19 dan menyaksikan lonjakan ketibaan pelancong dari Singapura, Indonesia, Thailand dan negara lain baru-baru ini, apatah lagi dengan ketibaan kapal persiaran antarabangsa di Jeti Swettenham. Industri pelancongan sentiasa menjadi salah satu penyumbang paling besar kepada ekonomi negeri kerana populariti Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan domestik.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah mengumumkan pemenang hadiah utama dan 5 pemenang saguhati “100 Years of Penang Hill Railway Logo Design Competition”. Pertandingan yang bermula pada 6 September sehingga 6 Oktober 2022 telah dilancarkan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada sidang media 6 September 2022 lalu.

Untuk butiran, sila rujuk:

Lampiran 1: Logo dan maksudnya

**Lampiran 1: Logo dan maksudnya**



Funikular mempunyai dua mesej; **biru**, **putih** dan **kuning** melambangkan warna bendera negeri Pulau Pinang yang bermaksud funikular sebagai kebanggaan dan ikon negeri Pulau Pinang; manakala warna **coklat**, **merah** dan **biru** mewakili 3 generasi funikular. **Coklat** mewakili funikular generasi pertama; **merah** mewakili funikular generasi ke-2 dan **biru** mewakili funikular semasa iaitu generasi ke-3.

**Hijau** menggambarkan alam semula jadi dan membawa kehijauan, pokok serta hutan yang subur di fikiran. Oleh itu, warna hijau yang berbeza digunakan untuk menyerlahkan kehijauan bukit, mewakili kedua-dua, bukit dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP). Hijau muda ialah warna korporat PBBPP.

**Perak** adalah warna logam yang sering dikaitkan dengan status dan inovasi yang juga merupakan warna klasik moden. Untuk memperingati sambutan ulang tahun Funikular Bukit Bendera, warna perak digunakan untuk mewakili usia 100 tahun Funikular Bukit Bendera yang klasik.

**Transformasi 100 Tahun** adalah slogan sambutan ulang tahun ke-100, dan menandakan kemajuan sosio-ekonomi yang dibawa oleh funikular kepada Bukit Bendera dan kawasan sekitarnya terutamanya Air Itam dan Air Putih.

Reka bentuk logo Encik Azhar Bin A. Hasan akan digunakan sebagai logo rasmi bagi Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wlim@penanghill.gov.my](mailto:wlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)